

**TEKS UCAPAN Y.B. DATO' YONG KHOON SENG
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**15 SEPTEMBER 2009 (SELASA)
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

YANG DIHORMATI TUAN Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Datuk Thomas George
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Puan Sri Zaiton Binti Mhad Ali
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Yang Berbahagia Dato' Haji Nasir Bin Mat Dam
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Datuk Ir. Hamzah Bin Hassan
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md Salleh
Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Yang Berbahagia Ir Ahmad Asri Bin Abdul Hamid
Presiden Professional Services Development Corporation (PSDC),

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
Warga Kerja Raya Hadirin Sekalian.

SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI

1. PERTAMA SEKALI SAYA INGIN MERKAKAM RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA KERANA SUDI MENJEMPUT SERTA MEMBERI PELUANG KEPADA SAYA UNTUK BERSAMA-SAMA DENGAN TUAN-TUAN DAN PUAN –PUAN SEKALIAN DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA UNTUK BULAN SEPTEMBER 2009. SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI MENYAMPAIKAN SALAM DAN MEMOHON MAAF DARIPADA YB. MENTERI KERJA RAYA YANG TIDAK DAPAT HADIR BERSAMA-SAMA KITA .

Y.BHG DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

2. MASA BEGITU PANTAS BERLALU. SEDAR ATAU TIDAK KITA SEMUA SEBAGAI RAKYAT MELAYSIA SUDAH MELALUI LEBIH SETENGAH TAHUN KEPIMPINAN BARU YAB. PERDANA MENTERI, KERAJAAN BARU, ASPIRASI YANG BARU SERTA HARAPAN YANG BARU. KALAU KITA PERHATIKAN , MUNGKIN PERKATAAN BARU DISEBUT SETIAP MASA, TETAPI ADAKAH KITA BERTANYA , KITA TERGOLONG ATAU TIDAK DALAM UNGKAPAN BARU ITU. UNTUK MENJAYAKAN ASPIRASI BARU KERAJAAN, SEMESTINYA KITA PERLU ADA KESEEDIAAN SERTA KEBERANIAN UNTUK BERUBAH KE TAHAP YANG LEBIH BAIK. PERSEKITARAN EKONOMI DAN TEKNOLOGI GLOBAL KINI MERANSANG KEPADA SATU ANJAKAN PERUBAHAN PEMIKIRAN DAN PERMINTAAN MANUSIA TERUTAMANYA DALAM MENDAPATKAN NILAI YANG TERBAIK ATAU LEBIH TEPAT *"VALUE OF THE PUBLIC DEMAND"*. APAKAH ITU NILAI? NILAI ADALAH SESUATU YANG JUMLAHNYA MUNGKIN SEDIKIT, TETAPI PERMINTAAN TERHADAPNYA ADALAH TERLALU TINGGI. DI KEMENTERIAN INI NILAI YANG BOLEH DITERJEMAHKAN KEPADA RAKYAT ADALAH SEPERTI JALAN RAYA , KONTRAK, LEBUH RAYA, JAMBATAN DAN SEBAGAINYA. PERMINTAAN YANG TINGGI AKAN MENJADI SATU SITUASI YANG SUKAR KEPADA KITA SEMUA, BAGAIMANA UNTUK MENYEDIAKAN ATAU MEMBAHAGIKAN NILAI TERSEBUT KEPADA RAKYAT SECARA BERINTEGRITI DAN SAKSAMA. NAMUN INI ADALAH SATU CABARAN YANG SEMESTINYA DIGALAS OLEH KITA SEMUA BAGI MEMBUKTIKAN KEUTAMAAN RAKYAT AKAN TETAP DIDAHULUKAN.

Y.BHG DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

3. SLOGAN PRESTASI DIUTAMAKAN PERLU DI LIHAT SECARA ANALITIKAL DAN OPTIMIS. RAKYAT ATAU " *CLIENT*" KITA AKAN SENTIASA MEMERHATIKAN KITA. MEREKA AKAN DAN SENTIASA MELIHAT KKR SEBAGAI PENERAJU DALAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR , PAKAR TEKNIKAL NEGARA, JUARA DI DALAM PEMBINAAN IBS SERTA MELIHAT KITA SEBAGAI TULANG BELAKANG KEPADA MEMAJUKAN KAPISITI KONTRAKTOR BUMIPUTERA DI MALAYSIA. SEMUA ITU SUDAH LAMA DIJENAMAKAN DI DALAM PEMIKIRAN RAKYAT MALAYSIA. OLEH YANG DEMIKIAN, SUDAH SEMESTINYA RAKYAT MEMPUNYAI HARAPAN YANG TINGGI KEPADA KITA SEMUA SUPAYA PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI DAN KONDUSIF LAYAK DINIKMATI OLEH MEREKA. SEBAGAI CONTOH , KKR BUKAN SEKADAR UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN JALAN RAYA, KITA PERLU MEREMTASI SEMPADAN (*BEYOND BOUNDRIES*) IAITU MENYEDIAKAN JALAN RAYA YANG BERKUALITI DAN PADA MASA YANG SAMA MEMILIKI CIRI KESELAMATAN YANG TINGGI SERTA SELAMAT UNTUK SEMUA PENGGUNA JALAN RAYA. PERSOALANNYA , SEJAUH MANA NILAI KESELAMATAN DAN KUAILTI JALAN TELAH DIBERIKAN KEPADA RAKYAT? INILAH YANG DINAMAKAN CABARAN DAN PERUBAHAN BARU YANG KITA TELAH JANJIKAN KEPADA RAKYAT YANG HARUS DIPIKUL OLEH KITA SEMUA. SELARAS DENGAN ITU, KKR BERSAMA AGENSINYA TELAH MELANCARKAN PROGRAM SEPERTI PROGRAM RAKYAT MALAYSIA BERSATU UNTUK KESELAMATAN JALAN RAYA (MUFORS) SERTA KEMPEN KESELEMATAN JALAN RAYA ATAU C.A.R.E. YANG DILANCARKAN OLEH YB. MENTERI SEMALAM DI DENGKIL. SEMUA PROGRAM ADALAH MEMBAWA SATU HARAPAN KKR SUPAYA KEMALANGAN JALAN RAYA AKAN DAPAT DIKURANGKAN SERTA MENDIDIK PENGGUNA JALAN RAYA SUPAYA SENTIASA MENGUTAMAKAN KESELAMATAN KETIKA MEMANDU.

Y.BHG DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

4. SLOGAN SATU MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, JUGA MERANGKUMI BUKAN SAHAJA RAKYAT DI LUAR SANA, TETAPI ANDA SEMUA DI DEPAN SAYA DAN SELURUH WARGA KKR JUGA TERGOLONG DALAM SLOGAN RAKYAT DIDAHULUKAN. OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA TIDAK TERKECUALI KEBAJIKAN

PENJAWAT AWAM DARIPADA PERHATIAN KERAJAAN. INI DIBUKTIKAN, MELALUI JANJI Y.B. MENTERI KERJA RAYA, UNTUK MEMBINA SEBUAH KUARTERS BARU BAGI MENGGANTIKAN KUARTERS BATU 2½, CHERAS, TELAH DITUNAIKAN APABILA Y.A.B. PERDANA MENTERI SENDIRI TELAH MENGUMUMKAN SEBANYAK RM28 JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI MEMBINA KUARTERS BARU DI KAWASAN BATU 4 ½, JALAN SUNGAI BESI YANG MELIBATKAN 120 UNIT RUMAH KELAS G.

5. KEPRIHATINAN KERAJAAN INI DITERUSKAN PULA DENGAN PENGUMUMAN Y.A.B. PERDANA MENTERI MENGENAI PEMBERIAN BANTUAN KHAS RM500 UNTUK PENJAWAT AWAM KUMPULAN SOKONGAN YANG BERJUMLAH KIRA-KIRA 860 000 ORANG. SEMOGA BANTUAN INI DAPAT MENAMBAHKAN KEMERIAHAN SAMBUTAN AIDILFITRI DI SAMPING MERINGANKAN BEBANAN KOS BAGI MENGHADAPI MUSIM PERSEKOLAHAN PADA PENGHUJUNG TAHUN INI.

Y.BHG DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

6. 'PRESTASI DIUTAMAKAN' ADALAH REALITI YANG PERLU KITA SEMUA SAHUT DAN PIKUL SEBAGAI KAKITANGAN AWAM. KELEMBAPAN EKONOMI DUNIA DAN LAPORAN STATISTIK KDNK NEGARA YANG MENURUN SEDIKIT MUNGKIN SEDIKIT SEBANYAK MEMBERI KESAN KEPADA TAHAP PERKHIDMATAN KITA. NAMUN SITUASI INI TIDAK BOLEH DIJADIKAN PENGHALANG, TETAPI IA PERLU DILETAKAN SEBAGAI SATU BATU LONCATAN UNTUK KITA LEBIH BERMUHASABAH DIRI SERTA MEMPERBAIKI RUANG-RUANG KELEMAHAN KITA AGAR RAKYAT DAPAT MERASAI PERKHIDMATAN YANG KITA SEDIAKAN. PRESTASI DIKAITKAN DENGAN KEMAHIRAN ATAU *MULTI SKILLS* YANG PERLU ADA PADA SETIAP PEKERJA. GABUNGAN KEMAHIRAN DAN KUALITI PERKHIDMATAN ADALAH PELENGKAP KEPADA HARAPAN KERAJAAN DALAM PEMBIKINAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGARA. SAYA AMAT BERBANGGA APABILA 10 ORANG ANAK MUDA KITA TELAH MEWAKILI MALAYSIA UNTUK MENYERTAI 9 DARIPADA 45 BIDANG YANG DIPERTANDINGKAN DALAM PERTANDINGAN KEMAHIRAN DUNIA 2009 DI CALGARY, KANADA BARU-BARU INI. SAYA PERCAYA KITA SUDAH BERADA DILANDASAN YANG TEPAT KE ARAH

MENCAPAI PEMBANGUNAN MODAL INSAN SERTA MEMPUNYAI PELAPIS PAKAR-PAKAR TEKNOKRAT TEMPATAN YANG DISEGANI DUNIA SUATU HARI NANTI.

Y.BHG DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

7. KITA SEMUA MAKLUM, KKR MEMPUNYAI KPI YANG PERLU DICAPAI, DAN FAKTOR PENENTU PENCAPAIAN KPI KKR ADALAH TERLETAK DI BAHU KITA SEMUA, ANDA DI DEPAN SAYA. SAYA PERCAYA DENGAN KEKUATAN DAN SEMANGAT KEKITAAN YANG TINGGI OLEH KITA SEMUA, KITA AKAN BERJAYA MENCAPAI SASARAN ATAU "GOAL" KKR SEPERTI YANG DIRANCANG. SEMUA INI BUKAN MUDAH SEPERTI UNGKAPAN BIBIR, IA DIPANDU OLEH SIKAP KITA. JANGAN BIAR SIKAP MEMBENTUK DIRI KITA SEBALINYA BIAR DIRI KITA MEMANDU PEMBENTUKAN KEPERIBADIAN DAN SAHSIAH DIRI BARULAH AKAUNTIBILITI, DEDIKASI, PROGRESIF SERTA KESEDIAN MELAKUKAN PENAMBAHBAIKAN AKAN MUCUL DALAM DIRI KITA. KITA PERLU MEMILIKI KEPERCAYAAN YANG KUAT KEPADA DIRI KITA SERTA BANTUAN NILAI KESABARAN YANG TINGGI. MASA TERLALU SUNTUK JIKA KITA BERTANGGUH , HANYA SETENGAH TAHUN SAJA LAGI KITA MELABUHKAN TIRAI 2009 DAN SETAHUN SELEPAS ITU KITA AKAN MASUK KE FASA BARU DALAM RMK10. SEMUA INI MEMERLUKAN ANJAKAN BESAR SIKAP KITA SEMUA SUPAYA APA YANG DIRANCANG AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA.

Y.BHG DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

8. PADA 9 OKTOBER AKAN DATANG, KITA AKAN MENERIMA KUNJUNGAN DARIPADA AHLI PANEL ANUGERAH KUALITI PERDANA MENTERI YANG DIURUSETIAKAN OLEH UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU). TUAN-TUAN ADALAH PERLU MELIPATGANDAKAN USAHA BAGI MENGHADAPI PERTANDINGAN YANG DIADAKAN, DAN SEMUA WARGA KERJA RAYA PERLU LAH MEMBERIKAN KERJASAMA SEPENUHNYA KEPADA URUSETIA DI PERINGKAT KEMENTERIAN. SEMOGA USAHA GIGIH YANG DICURAHKAN AKAN MEMBUAHKAN KEJAYAAN.

Y.BHG DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

9. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI DAN SELAMAT BERECUTI KEPADA SEMUA WARGA KERJA RAYA YANG BERAGAMA ISLAM. SEMOGA SAMBUTAN PERAYAAN INI AKAN MEMBERI SATU MOTIVASI KEPADA TUAN-TUAN SUPAYA APABILA KEMBALI BERTUGAS KELAK, AKAN MENJADI SEORANG PENJAWAT AWAM YANG BERDEDIKASI TINGGI DAN KOMITED KEPADA TUGASAN YANG DIBERIKAN.

10. DI SAMPING ITU, JAGALAH KESELAMATAN DISEPANJANG PERJALANAN PULANG KE KAMPUNG DAN KEMBALI SEMULA KE RUMAH MASING-MASING. MEMANDULAH DENGAN BERHEMAH DAN FIKIRKAN KESELAMATAN ORANG TERSAYANG YANG ADA BERSAMA KITA. BERSAMA-SAMALAH KITA MEMBANTU KERAJAAN DI DALAM MENGURANGKAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA.

C.A.R.E UNTUK SEMUA

SEKIAN, TERIMA KASIH DAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI.